Journal of Management & Muamalah

Jurnal Pengurusan & Muamalah
eISSN 2180-1681

Special thanks to all involved in the publication of this journal.
Sidang Editor merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan penerbitan jurnal ini.

Published by/*Diterbitkan oleh*:
Faculty of Management & Muamalah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang,
SELANGOR, MALAYSIA

INDEXING

MyJurnal

PUBLISHER

PENERBIT KUIS

Jurnal Pengurusan & Muamalah

Volume / *Jilid* **8** **November** **2018**

Number / *Nombor* **2** **eISSN 2180-1681**

Journal of Management & Muamalah, Vol. 8, No. 2, 2018
eISSN 2180-1681

Makna, Pengukuran dan Domain Kepuasan Hidup daripada Pelbagai Perspektif: Analisis Literatur
Meaning, Measurement and Domain of Life Satisfaction from Different Perspectives: Literature Review

SITI MARZIAH ZAKARIA*, NOR BA'YAH ABDUL KADIR, NASRUDIN SUBHI & KHAIDZIR ISMAIL
Pusat Kesejahteraan Manusia dan Masyarakat, FSSK, UKM.
marziah@ukm.edu.my

Received: 10 August 2018 Accepted: 15 November 2018

ABSTRAK

Kepuasan hidup adalah persepsi seseorang tentang kehidupan yang sedang dan telah dilalui, serta kehidupan yang bakal dilaluinya pada masa hadapan. Ia merupakan penilaian seseorang terhadap kehidupannya secara keseluruhan. Kajian-kajian lepas ke atas kepuasan hidup mendapati kecenderungan kebanyakan pengkaji untuk mengukur kepuasan hidup secara umum. Namun begitu, kepuasan hidup juga boleh dikaji dengan melihat kepada domain-domain atau elemen-elemen kepuasan hidup. Kertas konsep ini akan menilai makna kepuasan hidup dan mengenalpasti pengukuran serta domain kepuasan hidup daripada pelbagai perspektif. Makna kepuasan hidup didapati sangat berkait rapat dengan makna hidup yang dipegang seseorang. Secara keseluruhan, dapatan-dapatan lepas menunjukkan bahawa kepuasan hidup selalu ditafsirkan sebagai perasaan syukur, redha, optimis dan gembira. Makna kepuasan hidup berbeza mengikut peringkat umur yang dikaji. Dewasa pertengahan usia dan lanjut usia mentafsirkan kepuasan hidup lebih kepada elemen spiritual dan kekeluargaan.

Kata kunci: Makna Kepuasan Hidup, Domain Kepuasan Hidup, Pengukuran Kepuasan Hidup, Perspektif, Makna Hidup

ABSTRACT

Life satisfaction is one's perception about their current and past life, and their life in future. It is one's review of their life as a whole. Past studies on life satisfaction showed the tendency of most of researchers to measure life satisfaction in general. Nevertheless, life satisfaction can also be studied by examining the domains and elements of life satisfaction. This concept paper will assess the meanings of life satisfaction and identify the measurements and domains of life satisfaction from different perspectives. The meaning of life satisfaction was found to be closely related to the meaning of life that one embrace. Generally, past findings showed that life satisfaction has been defined as the sense of gratitude, acceptance, optimism, and happiness. The meaning of life satisfaction is different according to the age level. Middle-aged adults and ageing defined life satisfaction more to the spiritual elements and family relationship.

***Key words**: The meaning of life satisfaction, Domain of life satisfaction, Measurement of life satisfaction, Perspective, Meaning of life.*

PENGENALAN

Kepuasan hidup telah kerap dikaji di beberapa negara seperti Australia (NATSEM 2010), Amerika Syarikat (Meeks & Murrell 2001), Netherlands (Kapteyn et al. 2009), Kanada (Gee & Veevers 1990), Sweden (Berg et al. 2009; Borg et al. 2005), Jepun (Yamawaki et al. 2011), China (Leung et al. 2005; Song & Appleton 2008), India (Hasnain et al. 2011) dan sebagainya. Kajian ke atas kepuasan hidup telah dijalankan kepada pelbagai sampel yang terdiri daripada warga tua (Ramachandran & Radhika 2012; Sener 2011; Song 1992), dewasa awal hingga akhir (Hutchinson et al. 2004), remaja (Kong & You 2013), pelajar universiti (Mahanta & Aggarwal 2013), wanita (Jan & Masood 2008) dan pekerja di pelbagai sektor (Adams et al. 1996; Jessica et al. 2008). Di Malaysia, kajian kepuasan hidup telah dijalankan ke atas jururawat wanita (Wan Edura et al. 2011), warga tua (Guzman 2012; Kooshair et al. 2014) dan golongan asnaf (Hairunnizam et al. 2010). Kajian mengenai kepuasan hidup wanita bekerjaya pertengahan usia masih kurang diterokai di Malaysia.

Kepuasan hidup telah diterima sebagai aspek utama dalam kebajikan manusia (Jan & Masood 2008). Kepuasan hidup adalah ukuran kesejahteraan psikologi yang paling popular, di samping ukuran yang lain seperti kesejahteraan subjektif dan kegembiraan (Tariq 2012). Ia boleh dinilai secara spesifik kepada domain tertentu kehidupan atau secara umum. Kepuasan hidup bukan hanya penilaian seseorang tentang kehidupan, tetapi, ia juga melibatkan pengiktirafan, keyakinan, kesyukuran dan penghargaan seseorang akan kehidupannya. Ia adalah persepsi seseorang tentang kehidupan yang sedang dan telah dilalui, serta kehidupan yang bakal dilaluinya pada masa hadapan. Kesimpulannya, ia merupakan penilaian seseorang terhadap kehidupannya secara keseluruhan (Jan & Masood 2008).

Kepuasan hidup menggambarkan pengalaman-pengalaman yang memberi kesan kepada persepsi seseorang tentang kepuasan hidupnya. Pengalaman-pengalaman hidup yang positif akan memotivasikan individu untuk terus mencapai matlamat hidupnya (Bailey et al. 2007). Pengalaman-pengalaman positif yang telah dilalui tentunya memberi kesan yang positif kepada penghargaan kendiri. Seterusnya, penghargaan kendiri, mood dan emosi, personaliti, persekitaran, nilai, budaya serta pandangan seseorang tentang kehidupan akan memberi kesan kepada kepuasan hidup (Bailey et al. 2007). Kepuasan hidup umum datang daripada nilai peribadi seseorang dan apa yang dianggapnya penting dalam hidup. Contohnya, keluarga mungkin aspek yang paling penting bagi kebanyakan individu. Namun, ada juga yang menganggap nilai material dan wang lebih penting daripada keluarga, terutamanya dalam kalangan golongan yang sering ditindas daripada segi ekonomi (Georgellis et al. 2009).

Kepuasan hidup ialah satu konstruk subjektif yang berubah mengikut jantina, tahap pendidikan, umur, pendapatan, status perkahwinan dan faktor demografi yang lain (Zhang et al. 2011). Sebagai contoh, Chipperfield dan Havens (2001) mendapati bahawa wanita dan lelaki yang mengalami kegagalan dalam rumahtangga melaporkan kepuasan hidup yang rendah. Shichman dan Cooper (2004) pula mendapati tahap pendidikan, pendapatan dan perkahwinan sebagai faktor utama kepuasan hidup. Manakala dalam kalangan warga tua, aspek kewangan dan fizikal lebih signifikan dalam mempengaruhi kepuasan hidup. Umur juga berkaitan dengan kepuasan hidup, sebagaimana yang dibuktikan oleh Jan dan Masood (2008). Dengan peningkatan umur, kepuasan hidup didapati menurun sebanyak 40%. Kertas konsep ini akan menilai makna kepuasan hidup dan mengenalpasti pengukuran serta domain kepuasan hidup.

METODOLOGI

Pangkalan data seperti PsycINFO, Scopus, Google Scholar, Mycite dan Sagepub telah digunakan untuk mencari artikel terkini. Artikel yang diperolehi diterbitkan daripada jurnal saintifik berbahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Kata kunci yang digunakan adalah *meaning of life satisfaction/makna kepuasan hidup, measurement of life satisfaction/pengukuran kepuasan hidup, dan domains of life satisfaction/domain kepuasan hidup.* Carian dalam PsycINFO, Scopus, Google Scholar, Mycite dan Sagepub juga menggunakan perkataan tambahan seperti “age, gender, and perspectives”.

Jumlah keseluruhan artikel yang dikumpulkan bagi mengkaji makna, domain dan pengukuran kepuasan hidup ialah 80 artikel. Selepas disaring berdasarkan kriteria inklusif, hanya sebanyak 56 artikel terpilih untuk dianalisis. Kriteria pertama ialah kajian empirikal tentang kepuasan hidup berdasarkan umur. Kajian-kajian yang meneliti makna kepuasan hidup, domain serta kriteria kepuasan hidup dikeluarkan. Pengkaji menganalisis pengukuran kepuasan hidup yang digunakan dalam kajian-kajian yang lepas. Kriteria kedua ialah artikel yang diterbitkan selepas tahun 2000, kecuali bagi teori-teori klasik. Keutamaan diberikan kepada artikel-artikel terkini, terutamanya yang diterbitkan selepas tahun 2010.

DAPATAN

Hasil carian dan analisis literatur mendapati beberapa makna bagi kepuasan hidup. Makna kepuasan hidup dilihat dalam perspektif yang berbeza, daripada pelbagai negara dan konteks. Ia juga mempunyai makna yang subjektif mengikut rekabentuk penyelidikan yang dijalankan samada secara kualitatif atau kuantitatif. Makna kepuasan hidup selalu dikaitkan dengan makna hidup dalam kebanyakan kajian yang telah dijalankan. Ia juga boleh dilihat secara objektif dan subjektif mengikut kriteria yang diletakkan oleh responden. Kepuasan hidup juga telah diukur dalam pelbagai skala dan instrument yang berlainan. Ia boleh diukur secara umum atau melihat kepada elemen-elemen atau domain-domain kepuasan hidup itu sendiri. Kebanyakan pengkaji cenderung untuk mengukurnya secara umum, yang bergantung kepada penilaian seseorang terhadap kehidupan yang sedang dilaluinya kini. Dapatan-dapatan penting daripada analisis literatur dihuraikan dalam sub-topik di bawah

Makna kepuasan hidup

Diener mencadangkan bahawa kepuasan hidup adalah satu penilaian umum tentang perasaan dan sikap seseorang terhadap kehidupan pada masa tersebut, yang mana ia boleh dinilai dalam persepsi negatif atau positif (Buetell, 2006). Manakala Veenhoven (1996) pula menegaskan bahawa kepuasan hidup adalah tahap penilaian positif seseorang tentang kualiti keseluruhan hidupnya. Dalam erti kata lain, sejauh mana seseorang invividu suka kepada kehidupan yang sedang dijalaninya. Ellison et al. (1989) pula memberikan pendirian yang lebih spesifik kepada kepuasan hidup. Mereka berpandangan bahawa kepuasan hidup adalah penilaian kognitif tentang kehidupan, yang bersifat konsisten dan dipengaruhi oleh faktor sosial.

Kajian-kajian lepas telah cuba meneroka makna hidup dan persepsi kepuasan hidup dalam konteks dan perspektif yang berbeza. Kepuasan hidup ternyata melibatkan perbandingan antara kehidupan yang sedang dilalui sekarang dengan kehidupan yang dirasakan patut dilalui atau yang dirasakan ideal (kehidupan yang baik). Kajian tentang kepuasan hidup di pelbagai negaa menunjukkan bahawa keadaan hidup memberi pengaruh yang kuat kepada kepuasan hidup secara umum. Negara yang mempunyai prospek kerjaya yang lebih baik didapati mempunyai kepuasan hidup yang lebih baik (Helliwell, Layard, & Sachs, 2017). Pada masa yang sama, kepuasan hidup didapati sangat berkait dengan pendapatan, terutamanya di negara-negara yang miskin. Ini menunjukkan bahawa pendapatan menyumbang kepada kepuasan hidup dan memberi makna yang signifikan kepada kehidupan.

Pendidikan juga memberi makna yang penting kepada kepuasan hidup. Negara yang lebih tinggi taraf pendidikan penduduknya melaporkan kepuasan hidup yang lebih tinggi. Kesan pendidikan kepada kepuasan hidup lebih tinggi apabila hanya segelintir sahaja individu di negara tersebut yang memiliki tahap pendidikan tersebut, seperti sarjana muda, sarjana, atau Phd (Salinas-Jiménez, Artés, & Salinas- Jiménez, 2011). Kesihatan fizikal juga sering kali berkait dengan kepuasan hidup. Begitu juga dengan kesihatan mental dan emosi. Kesihatan fizikal dan mental boleh menjadi penyumbang juga sebagai hasil atau kesan daripada kepuasan hidup. Kajian telah menunjukkan bahawa kepuasan hidup berkait dengan kebimbangan, kegemukan, gangguan tidur, malah penyakit kronik **(**Strine, Chapman, Balluz, Moriarty, & Mokdad, 2008).

Dalam dunia hari ini, pencarian kehidupan yang bermakna selalunya disifatkan sebagai salah satu cara untuk mencapai kepuasan hidup. Sebagaimana yang dicadangkan oleh Rogers (1951) sebagai individu yang berperanan sepenuhnya (fully-functioning person). Maslow (1970) pula mencadangkan konsep realisasi diri (self-actualization) dan Ryff dan Singer (1998) dengan konsep kesejahteraan psikologi. Secara umumnya, mereka mencadangkan bahawa individu patut mengembangkan kekuatan dan kelebihan diri dan menggunakannya untuk manfaat orang lain juga. Justeru, penilaian mengenai kepuasan hidup selalunya akan mengambil kira sejauh mana individu tersebut telah mengembangkan potensi dan kebolehannya. Penilaian kepuasan hidup juga memberi perhatian kepada peranan dan sumbangannya kepada kehidupan orang lain.

Santos et al. (2012) mendalami makna kepuasan hidup dengan mengkaji perkaitan antara makna dalam hidup dan kepuasan hidup. Kajian dijalankan ke atas 969 pelajar kolej di Filipina. Kajian menggunakan instrumen standard, iaitu *Meaning in Life Questionnaire, Satisfaction with Life Scale* dan *Positive Affect and Negative Affect Schedule.* Dapatan kajian menunjukkan bahawa makna dalam hidup dan kepuasan hidup mempunyai perkaitan yang positif. Makna dalam hidup berdasarkan kepada *Steger's Meaning in Life Questionnaire (MLQ)* boleh dibahagikan kepada 2 komponen iaitu kewujudan makna dan pencarian makna. Ho et al. (2010) juga turut membuktikan bahawa makna dalam hidup mempunyai perkaitan yang kuat dan positif dengan kepuasan hidup.

Fave et al. (2013) mengkaji dengan lebih intensif sumber dan motif makna hidup dalam kalangan dewasa di tujuh negara Barat. Pengkaji menggunakan kaedah campuran untuk mendapatkan tema bagi sumber-sumber makna hidup. Antara sumber yang penting adalah kehidupan peribadi dan keluarga, kesejahteraan, harmoni dan realisasi diri. Kajian juga mendapati bahawa tahap umur yang berbeza meletakkan keutamaan yang berbeza kepada sumber atau domain tersebut. Manakala Shigehiro dan Ed (2014) pula melaporkan bahawa responden negara kaya memberi makna yang berbeza kepada hidup daripada responden negara miskin. Kajian yang dijalankan ke atas 132 negara ini mendapati bahawa kepuasan hidup adalah lebih tinggi di negara-negara kaya. Namun, makna hidup didapati lebih tinggi di negara-negara miskin berbanding negara kaya. Rakyat di negara miskin dikatakan lebih kuat pegangan agamanya. Pegangan agama telah berperanan sebagai pengantara yang signifikan dalam kajian ini. Ternyata, agama memainkan peranan yang penting dalam pencarian makna hidup responden (Shigehiro & Ed 2014).

Wanita pertengahan usia mentafsirkan kepuasan hidup sebagai kejayaan atau pencapaian, ketenangan jiwa dan fikiran, keselesaan hidup serta keredhaan dan kesyukuran (Siti Marziah, Nor Ba'yah & Nasrudin 2017). Wanita pertengahan usia yang dikaji membuat penilaian kepada kepuasan hidup dengan melihat lebih kepada aspek-aspek dalaman dan kerohanian. Mereka cuba membina kehidupan yang lebih bermakna, lebih tenang dan diredhai. Kajian ini dijalankan secara kualitatif ke atas Sembilan orang peserta wanita pertengahan usia bekerjaya di Hulu Langat, Selangor. Justeru, makna kepuasan hidup mungkin berbeza bagi wanita daripada peringkat umur yang lain.

Beberapa faktor telah didapati penting untuk kehidupan yang bermakna dan berjaya sepanjang bahagian kedua kehidupan (bermula daripada pertengahan usia sehingga meninggal), iaitu faktor hubungan yang rapat dengan individu lain, pembelajaran sepanjang hayat, sikap menerima atau redha dan optimis dan keprihatinan terhadap diri dan orang lain (Corbett 2012). Pengalaman dan ilmu yang dimiliki akan dicurahkan kepada generasi muda. Individu pada usia ini mahu menghabiskan masanya melakukan sesuatu yang bermakna. Mereka akan cuba untuk terus belajar dan mendalami ilmu-ilmu keagamaan. Aspek spiritual didapati menyumbang kepada penuaan berjaya. Sebagaimana Macmillan (2012) menegaskan bahawa individu di bahagian kedua kehidupan mempunyai keperluan sosial dan spiritual yang tinggi. Keperluan ini perlu diambil kira dalam sebarang intervensi perubatan dan kebajikan.

Allardt (2003) turut mencadangkan bahawa individu mempunyai tiga jenis keperluan asas iaitu keperluan untuk memiliki, keperluan untuk mengasihi dan keperluan kendiri. Semua keperluan ini merupakan asas kepada kepuasan hidup serta kesejahteraan. Keperluan untuk memiliki diukur daripada taraf hidup dan persekitaran seperti pendapatan, kesihatan, pendidikan, kediaman dan kenderaan. Manakala keperluan untuk mengasihi pula dinilai daripada hubungan mereka dengan keluarga dan individu lain. Keperluan kendiri lebih menumpukan kepada keperluan untuk membangunkan potensi diri dan mencapai cita-cita. Model ini telah diguna pakai oleh Nor Hafizah dan Hazizan (2012) dalam kajiannya mengenai kepuasan hidup subjektif dalam kalangan penjawat awam Melayu di Malaysia. Kajian tersebut menambah satu lagi keperluan di dalam kerangka kajian iaitu keperluan spiritual. Keperluan ini lebih terarah kepada aspek agama dan kerohanian.

Nor Hafizah dan Hazizan (2012) mengemukakan dua tema kepuasan hidup subjektif iaitu kepuasan dalam bukan keperluan hidup dan kepuasan dalam keperluan hidup. Dapatan menunjukkan bahawa kepuasan dalam bukan keperluan hidup lebih menjadi keutamaan kepada responden. Sub-tema utama bagi kepuasan dalam bukan keperluan hidup adalah bebas daripada penyakit, memiliki keluarga yang stabil dan ketenangan rohani. Manakala bagi keperluan hidup, responden lebih memberi fokus kepada kemampuan untuk memenuhi keperluan asas, mengekalkan standard kehidupan, memperbaiki kualiti hidup dan mengekalkan cara hidup sederhana. Ini selaras dengan dapatan kajian Easterlin et al. (2012) yang menunjukkan bahawa responden tidak meletakkan wang sebagai kunci kegembiraan. Responden lebih memberi perhatian kepada isu kekeluargaan seperti mempunyai masa untuk keluarga dan menjaga ahli keluarga. Ia konsisten dengan dapatan Song dan Appleton (2008) dan Liu (2006).

Kepuasan hidup juga telah diuji sama ada ditentukan oleh penilaian mengenai kejayaan atau kejayaan hidup itu sendiri (Meulemann 2001). Ia juga dinilai sama ada lebih bergantung kepada kejayaan dalam awal usia atau akhir usia. Untuk menemukan jawapan, kajian ke atas responden berumur 16 hingga 43 tahun telah dilakukan. Analisis mendapati bahawa kepuasan hidup lebih dipengaruhi oleh penilaian mengenai kejayaan daripada kejayaan hidup. Ini kerana, kejayaan dan kegagalan dalam hidup bergantung kepada penilaian peribadi yang dibuat. Penilaian mengenai kejayaan merupakan pertimbangan terakhir yang dibuat bagi memutuskan mengenai kepuasan hidup. Kejayaan di akhir usia juga lebih penting bagi responden daripada kejayaan di awal usia (Meulemann 2001).

Pengukuran dan Domain Kepuasan Hidup

Becchetti dan Pelloni (2011) mencadangkan bahawa literatur telah mengukur persoalan berkaitan dengan kepuasan hidup dalam dua cara. Cara pertama ialah dengan mengambil kira penilaian umum terhadap kehidupan seseorang. Responden akan mengambil kira semua aspek, tanpa melihat kepada peristiwa-peristiwa terkini yang berlaku kepada hidup mereka. Soalan yang biasa dikemukakan adalah: “Sejauh mana anda berpuas hati dengan kehidupan anda, dengan mengambil kira semua aspek hidup?”. Maklum balas responden adalah berdasarkan kepada skala Likert sama ada 0-10 mata atau 0-7 mata. Cara kedua ialah dengan meneliti kepuasan hidup mereka berdasarkan kepada peristiwa terkini yang berlaku dalam hidup (Redelmeier & Kahneman 1996). Dalam pendekatan ini, responden biasanya diminta untuk merekodkan peristiwa-peristiwa penting terkini yang berlaku dan tahap kepuasan hidup mereka pada setiap peristiwa.

Kajian-kajian lepas ke atas kepuasan hidup mendapati kecenderungan kebanyakan pengkaji untuk mengukur kepuasan hidup secara umum. Sebagai contoh Praag et al. (2010) menganalisis kepuasan hidup keseluruhan dan kepuasan kewangan dalam kalangan rakyat Israel yang terdiri daripada bangsa Yahudi dan Arab. Begitu juga dengan Song (1992) yang mengkaji pengaruh faktor psikologi sosial ke atas kepuasan hidup warga tua Korea. Hutchinson et al. (2004) juga percaya tahap kepuasan hidup boleh diukur dengan bertanyakan kepuasan hidup responden secara keseluruhan. Soalan ditanyakan secara jelas dan terus, iaitu; “adakah anda berpuas hati dengan kehidupan anda secara keseluruhan?". Daripada skor ini, ramalan kepuasan hidup akan ditentukan daripada segi umur, status perkahwinan dan pekerjaan.

Walaupun wujud persetujuan tentang apa yang menyumbang kepada kepuasan hidup atau kehidupan yang baik, tetapi Diener (1984) percaya bahawa individu biasanya akan meletakkan penilaian atau pertimbangan yang tidak sama kepada kriteria-kriteria itu. Setiap individu pastinya mempunyai kriteria tersendiri tentang apa yang dikatakan sebagai kehidupan yang baik. Pada setiap aspek-aspek kehidupan mereka, seperti kerjaya, keluarga, perhubungan dan sebagainya, standard mengenai kejayaan dalam aspek-aspek tersebut adalah berbeza. Oleh sebab itu, menurut Diener (1984), adalah penting untuk menganalisa penilaian global seseorang terhadap kehidupannya, daripada menilai kepuasan mereka dalam domain yang spesifik.

Skala yang dibangunkan oleh Diener dan Pavot (1993) hanya mengandungi 5 pernyataan sahaja. Responden diminta untuk menandakan kadar daripada 1 (sangat tidak setuju) hingga 7 (sangat setuju) kepada item yang dikemukakan. Penilaian ini hanyalah berbentuk pernyataan umum mengenai kepuasan hidup responden, seperti: "Saya berpuas hati dengan kehidupan saya", "Keadaan hidup saya cemerlang" , "Setakat ini, saya telah mencapai apa yang saya inginkan dalam hidup" dan sebagainya. Diener, Inglehart dan Tay (2013) percaya bahawa manusia mempunyai pelbagai perspektif dan cara hidup. Justeru, kepuasan hidup tidak boleh dibahagikan mengikut komponen-komponen yang tertentu.

Pendekatan ini juga telah diguna pakai oleh Neugarten et al. (1961) dalam kajiannya tentang kepuasan hidup dalam kalangan warga tua. Neugarten telah menjalankan kajian di Kansas, Missouri dengan menemubual warga tua yang berumur 50 hingga 89 tahun. Tema-tema yang terhasil daripada temu bual tersebut telah menformulakan indeks kepuasan hidup (The Life Satisfaction Index) pada tahun 1961. Sebanyak 20 item telah dibangunkan pada mulanya dan dikenali sebagai LSI-A. Ia diuji dan dikemaskini beberapa kali oleh penyelidik lain. Indeks ini telah diguna pakai secara meluas untuk membantu ahli gerontologi dan ahli psikologi mengenal pasti tahap kesejahteraan serta kepuasan hidup warga tua. Ia mengandungi lima tema kepuasan hidup, iaitu; menikmati aktiviti seharian, menganggap hidup sebagai bermakna dan menerima kehidupan yang lepas, merasakan telah berjaya mencapai matlamat-matlamat hidup, mempunyai imej diri positif dan mengekalkan mood gembira dan optimis. Contoh item adalah: "Saya jangkakan banyak perkara-perkara baik dan menarik akan berlaku pada masa hadapan".

Walau bagaimanapun, terdapat juga sebahagian kajian yang mengambil kira beberapa elemen kepuasan hidup untuk menilai tahap kepuasan hidup responden. Seperti contoh, kajian yang dijalankan oleh Ramachandran dan Radhika (2012) mengkaji status ekonomi dan kepuasan hidup dalam perspektif silang budaya. Pengkaji ini mengambil kira domain-domain tertentu, iaitu tret personaliti, hubungan sosial, keadaan ekonomi, persekitaran tempat tinggal, tahap kesihatan, aktiviti masa lapang dan pencapaian diri (Ramachandran & Radhika 2012). Semua domain ini dikaji dengan meminta responden menandakan tahap kepuasan mereka dalam setiap domain yang dikemukakan (berpuas hati, agak berpuas hati dan tidak berpuas hati). Skor kumulatif kepuasan hidup terhasil daripada skor-skor setiap domain tersebut.

Kepuasan hidup juga telah ditafsirkan dan diterangkan melalui empat domain utama iaitu aktiviti seharian, hubungan sosial dan keluarga, kesihatan dan pendapatan (Kapteyn et al. 2009). Hubungan sosial dan keluarga didapati mempunyai kesan yang paling besar ke atas kepuasan hidup. Manakala pendapatan mempunyai kesan yang paling rendah. Walau bagaimanapun, penduduk daripada negara yang berlainan pastinya mempunyai persepsi yang berbeza tentang nilai pendapatan yang boleh ditafsirkan sebagai satu kepuasan hidup. Hubungan sosial dan keluarga diuji dengan mengenal pasti sama ada responden telah berkahwin atau bujang, bilangan anak yang dimiliki, bilangan kawan-kawan dan bentuk hubungan dengan orang-orang yang penting dalam hidup (Kapteyn et al. 2009).

Sener (2011) turut mengukur kepuasan hidup dengan meneliti elemen-elemen tertentu. Beliau mencadangkan elemen perkahwinan, pekerjaan, kesihatan, anak-anak dan keseluruhan sebagai faktor-faktor yang perlu diambil kira untuk menentukan kepuasan hidup seseorang. Begitu juga Nichols (2009) yang menganalisis kepuasan hidup dengan menggunakan Indeks Kepuasan Hidup yang dibangunkan daripada *Ostomy Comprehensive Health and Life Assessment.* Ia mengandungi soalan yang menggunakan skala Likert untuk mengkaji kepuasan daripada segi kehidupan sosial, kehidupan bekeluarga, masa lapang, situasi kewangan dan kepuasan umum. Indeks yang dibangunkan ini telah dapat membantu pengkaji untuk mengenal pasti peratus responden yang tidak berpuas hati dengan aspek-aspek kehidupan tersebut, seterusnya memberi input tentang program-program yang perlu dijalankan.

KESIMPULAN

Ringkasnya, kajian lepas telah meneroka makna kepuasan hidup di pelbagai negara. Makna kepuasan hidup didapati sangat berkait rapat dengan makna hidup yang dipegang seseorang. Ia juga berkait dengan apa yang dianggap penting dalam kehidupan seseorang, seperti wang, pendidikan, agama dan kesihatan. Makna kepuasan hidup berbeza mengikut peringkat umur yang dikaji. Dewasa pertengahan usia dan lanjut usia mentafsirkan kepuasan hidup lebih kepada elemen spiritual dan kekeluargaan. Manakala bagi golongan yang lebih muda, elemen wang dan pendidikan mungkin merupakan tumpuan mereka. Analisis literatur juga mendapati bahawa kepuasan hidup telah dinilai dengan mengukur kepuasan dalam domain-domain tertentu kehidupan atau mengukur secara umum. Ia bergantung kepada perspektif pengkaji mengenai kepuasan hidup. Justeru, konstruk kepuasan hidup adalah satu konstruk yang sangat dinamik dan sentiasa relevan untuk dikaji di pelbagai negara, dalam pelbagai peringkat usia dan konteks. Dapatan-dapatan terbaharu mengenai kepuasan hidup perlu disebarkan untuk memberi petunjuk kepada tahap kesejahteraan manusia secara umumnya, kualiti hidup dan pencapaian atau kemajuan sesebuah negara.

Rujukan

Adams, G.A., King, L.A., & King, D.W. (1996). Relationship of job and family involvement, family social support, and work-family conflict with job and life satisfaction. *Journal of Applied Psychology* 81 (4): 411-420.

Allardt, E. (2003). Having, Loving, Being: An alternative to the Swedish model of welfare research. Chapter in Book. *The Quality of Life*. UK: Oxford University Press.

Bailey, T., Eng, W., Frisch, M. & Snyder, C.R. (2007). Hope and optimism as related to life satisfaction. *Journal of Positive Psychology* 2 (3): 168-179.

Becchetti, L. & Pelloni, A. (2011). *What Are We Learning from the Life Satisfaction Literature*? Working paper, University of Rome Tor Vergata.

Berg, A.I., Hoffman, L., Hassing, L.B., McClearn, G.E., & Johansson, B. (2009). What matters, and what matters most, for change in life satisfaction in the oldest-old? A study over 6 years among individuals 80+. *Aging and Mental Health* 13 (2): 191-201.

Buetell, N. (2006). Life satisfaction, a Sloan Work and Family Encyclopedia entry. Work and Family Researchers Network. Retrieved from https://workfamily.sas.upenn.edu/glossary/l/life-satisfaction-definition

Borg, C. Hallberg, I.R., & Blomqvist, K. (2005). Life satisfaction among older people with reduced self-care capacity: The relationship to social, health, and financial aspects. *Journal of Clinical Nursing* 15: 607-618.

Chipperfield, J.G., & Havens, B. (2001). Gender differences in the relationships between marital status transitions and life satisfaction in later life. *Journal of Marriage and the Family* 12 (3): 176-186.

Corbett, L. (2012). *Successful aging: Some Jungian contributions to development in later life.* Paper presented at Symposium at the Library of Congress, Washington, June 2012.

Diener E. 1984. Subjective well-being. Psychological Bulletin 95 (3): 542-575.

Diener, E., Inglehart, R. F., & Tay, L. (2013). Theory and validity of life satisfaction scales. Social Indicators Research, 112, 497-527. doi:10.1007/s11205-012-0076-y

Diener, E., & Pavot, W. (1993). Review of the Satisfaction with Life Scale. Retrieved from http://www.ksbe.edu/_assets/spi/pdfs/survey_toolkit/other_samples/pavot_diener.pdf

Easterlin, R.A., Morgan, R., Switek, M. & Fei, W. (2012). China's Life Satisfaction. *Proceeding of the National Academy of Sciences of the United States of America* 109 (25): 9775-9780.

Ellison, C. G., Gay, D. A., & Glass, T. A. (1989). Does religious commitment contribute to individual life satisfaction? Social Forces, 68, 100-123.

Fave, A.D., Brdar, I., Wissing, M.P., & Vella-Brodrick, D.A. (2013). Sources and motives for personal meaning in adulthood. *Journal of Positive Psychology* 8 (6): 517-529.

Gee, E. M. & Veevers, J.E. (1990). Religious involvement and life satisfaction in Canada. *Sociological Analysis* 51: 387-394.

Georgellis, Y., Tsitsianis, N., & Yin, Y.P. (2009). Personal values as mitigating factors in link between income and life satisfaction: Evidence from the European Social Survey. *Social Indicator Research* 91(3): 329-344.

Georgellis, Y., Tsitsianis, N., & Yin, Y.P. (2009). Personal values as mitigating factors in link between income and life satisfaction: Evidence from the European Social Survey. *Social Indicator Research* 91(3): 329-344.

Guzman, A.B. (2012). Correlates of geriatric loneliness in Philippine nursing homes: A multiple regression model. *Educational Gerontology* 38: 563-575.

Hairunnizam, W., Sanep, A. & Radiah, A.K. (2010). *Pengaruh Faktor Keagamaan Terhadap Kualiti Hidup Individu: Kajian Kes Asnaf Fakir dan Miskin*. Seminar Kebangsaan MACFEA ke-14: Hala Tuju Penyelidikan Kepenggunaan. 13-14 Julai 2010.

Hasnain, N., Ansari, S.A., & Sethi, S. (2011). Life satisfaction and self-esteem in married and unmarried working women. *Journal of The Indian Academy of Applied Psychology* 37 (2): 316-319.

Hasnain, S.F., & Fatima, I. (2012). Perfectionism, loneliness, and life satisfaction in Engineering students. *Journal of Behavioral Sciences* 22 (3): 33-48.

Helliwell, J., Layard, R., & Sachs, J. (2017). World Happiness Report 2017. New York, NY, US: Sustainable Development Solutions Network.

Ho, M. Y., Cheung, F. M., & Cheung, S. F. (2010). The role of meaning in life and optimism in promoting well-being. *Personality and Individual Differences* 48: 658-663.

Hutchinson, G., Simeon, D.T., Bain, B.C., Wyatt, G.E., Tucker, M.B. & Lefranc, E. (2004). Social and Health determinants of well-being and life satisfaction in Jamaica. *International Journal of Social Psychiatry* 50 (1): 43-53.

Jan, M. & Masood, T. (2008). An assessment of life satisfaction among women. *Extension and Communication* 2 (1): 33-42.

Jessica, K.M., Johnson, M., Pitt, E.B., Smyer, M. & Matz-Costa, C. (2008). Quality of employment and life satisfaction: A relationship that matters for older workers. *Workplace Flexibility*. The Center on Aging and Work.

Kapteyn, A., Smith, J.P., & Soest, A.V. (2009). *Life Satisfaction*. Discussion paper no. 4015. IZA, The Netherlands

Kong, F. & You, X. (2013). Loneliness and self-esteem as mediators between social support and life satisfaction in late adolescence. Social Indicator Research 110: 271-279.

Kooshair, H., Nurizan, Y., Tengku Aizan, H., & Asnarulkhadi, A.S. (2014). Gender as a moderator of the relation among social support functions and life satisfaction in older Malaysians. *Journal of Women and Aging* 26: 22-38.

Leung, B. W. C, Moneta, G.B., & Chang, C.M. (2005). Think positively and feel positively: Optimism and life satisfaction in late life. *International Journal of Aging and Human Development* 61 (4): 335-365.

Liu, L. (2006). Quality of life as a social representation in China: A qualitative study. *Social Indicator Research*. 75: 217-240.

Macmillan, K. (2012). *Gerontological views of productive and vibrant aging*. Jung and Aging. Proceeding of Symposium at the Library of Congress, Washington, D.C., 28 March, 2012.

Mahanta, D. & Aggarwal, M. (2013). Effect of perceived social support on life satisfaction of university students. *European Academic Research* 1 (6): 1083-1094.

Maslow, A. H. 1970. *Motivation and Personality*. New York: Harper & Row.

Meeks, S. & Murrell, S.A. (2001). Contribution of education to health and life satisfaction in older adults mediated by negative effect. *Journal of Aging Health* 13 (1): 92-119.

Meulemann, H. (2001). Life satisfaction from late adolescence to mid-life. *Journal of Happiness Studies* 2: 445-465.

NATSEM. (2010). The Pursuit of Happiness: Life Satisfaction in Australia. *NATSEM Income and Wealth Report* 26, University of Canberra.

Neugarten, B.L., Havighurst, R.J. & Tobin, S.S. (1961). The measurement of life satisfaction. *Journal of Gerontology* 16: 134-143.

Nichols, T. (2009). Social Isolation: The Association between Low Life Satisfaction and Social Connectivity. Paper presented at WOCN Society 41st Annual Conference, June 6-10, 2009.

Nor Hafizah, M.H. & Hazizan, M.N. (2012). Subjective life satisfaction among urban Malay civil servants in Malaysia: A qualitative study. *International Journal of Social Sciences and Humanity Studies* 4 (1): 295-303.

Praag, B.M.S., Romanov, D., & Carbonell, A.F. (2010). *Happiness and Financial Satisfaction in Israel; Effects of Religiosity, Ethnicity, and War.* Unpublished manuscript.

Ramachandran, R., and Radhika, R. (2012). Socioeconomic status and life satisfaction in cross cultural perspective: The elderly in Japan and India. International Journal of Humanities and Social Science 2 (16): 285- 297.

Redelmeier, D., & Kahneman, D. (1996). Patients' memories of painful medical treatments: Real time and retrospective evaluations of two minimally invasive procedures. *Pain* 116: 3-8.

Rogers, C.R. (1951). *Client-centered Therapy: Its Current Practice, Implications, and Theory*. Boston: Houghton Mifflin.

Ryff, C.D., & Singer, B. (1998). The contours of positive human health. *Psychological Inquiry* 9: 1-28.

Salinas-Jiménez, M., Artés, J., & Salinas-Jiménez, J. (2011). Education as a positional good: A life satisfaction approach. Social Indicator Research, 103, 409-426. doi:10.1007/s11205-010-9709-1

Santos, M.C.J., Oguan, F., Magramo, C., & Paat, J. (2012). Meaning in life and subjective well-being. *Journal of Arts, Science, & Commerce* 4 (1): 32-40.

Sener, A. (2011). Emotional support exchange and life satisfaction. *International Journal of Humanities and Social Science* 1(2): 79-88.

Shigehiro, O. & Ed, D. (2014). Residents in poor nations have a greater sense of meaning in life than residents of wealthy nations. *Psychological Science* 25 (2): 422-430.

Siti Marziah Zakaria, Nor Ba'yah Abdul Kadir & Nasrudin Subhi (2017). Selarikah Makna Kepuasan Hidup daripada Perspektif Wanita Pertengahan Usia Bekerjaya di Hulu Langat dengan Perspektif Islam? *Akademika* 87 (2): 119-131.

Song, L. & Appleton, S. (2008). Life satisfaction in Urban China: Components and determinants. *World Development* 36 (11): 2325-2340.

Song, Y. I. (1992). Life satisfaction of the Korean-American elderly from a socio-psychological analysis. *Journal of Population and Development* 21 (2): 225-241.

Strine, T. W., Chapman, D. P., Balluz, L. S., Moriarty, D. G., & Mokdad, A. H. (2008). The associations between life satisfaction and health-related quality of life, chronic illness, and health behaviors among U.S. community-dwelling adults. Journal of Community Health, 33, 40-50. doi:10.1007/s10900-007-9066-4

Tariq, Q. (2012). Impact of financial stress on life satisfaction. *Asian Journal of Social Sciences and Humanities* 1 (3): 139-148.

Wan Edura, W.R., Mohammad Sahari, N., & Azura, O., & Izhairi, I. (2011). Social support, work family enrichment and life satisfaction among married nurses in Health Science. *International Journal of Social Science and Humanity* 1 (2): 150-155.

Veenhoven, R. (1996). The study of life satisfaction. In W. E. Saris, R. Veenhoven, A. C. Scherpenzeel, & B. Bunting (Eds.) A Comparative Study of Satisfaction with Life in Europe (pp. 11-48). Budapest, Hungary: Eötvös University Press.

Yamawaki, N., Nelson, J.A.P., & Omori, M. (2011). Self-esteem and life satisfaction as mediators between parental bonding and psychological well-being in Japanese Young adults. *International Journal of Psychology and Counseling* 3 (1): 1-8.

Zhang, S., Erping, W., & Chen, Y. (2011). Relative deprivation based on occupation: An effective predictor of Chinese life satisfaction. *Asian Journal of Social Psychology* 14: 148-158.

Dark Triad Personality Traits: Evaluation of Self Versus Others Among Employees in Malaysia
Ciri-ciri Personaliti Triad Gelap: Penilaian Diri Berbanding Orang Lain dikalangan Pekerja di Malaysia

IDA ROSNITA ISMAIL
UKM-Graduate School of Business
Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: idarosnita@ukm.edu.my

Received: 08 September 2018 Accepted: 15 November 2018

ABSTRACT

The major organizational research streamline has been directed towards understanding the nature, causes, and consequences of positive work behavior. In the workplace, however, negative work behavior is also a concern to many employees. Past literature found that various factors contribute to the occurrence of these dark behaviors. Negative personality traits, especially the Dark Triad, have been found to be significant predictors to the dark behaviors. Despite the numerous investigations, little attempt has been done to examine the evaluation of oneself and others on the Dark Triad traits. Therefore, this study aims at to fulfill the gap guided by the following research questions: to what extent do employees believe that they possess the Dark Triad traits and to what extent do employees favorably rate themselves possessing less Dark Triad traits compared to their colleagues at work? Paired data were collected from a sample of 64 part time MBA students from a large Malaysian university who work in various industries. Results of frequency analysis and Wilcoxon Signed Rank Test show that respondents believed that they possessed the Dark Triad traits, and they rated highly on themselves rather than the known others on all components of the Dark Triad traits. Implications of the findings and future study recommendations were discussed.

Key words: Dark Triad, Personality Traits, Narcissism, Machiavellianism, Psychopathy

ABSTRAK

Penyelarasan penyelidikan utama organisasi telah diarahkan untuk memahami sifat, sebab, dan akibat dari tingkah laku kerja yang positif. Walaubagaimanapun, di tempat kerja, kelakuan kerja yang negatif juga menjadi kebimbangan kepada ramai pekerja. Kajian lepas mendapati pelbagai faktor telah menyumbang kepada berlakunya tingkah laku gelap ini. Ciri-ciri keperibadian negatif, terutamanya Triad Gelap, telah dijumpai sebagai peramal penting kepada tingkah laku gelap. Walaupun banyak penyiasatan, usaha kecil telah dilakukan untuk mengkaji penilaian diri sendiri dan orang lain mengenai ciri-ciri Triad Gelap. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk memenuhi jurang yang dipandu oleh soalan-soalan penyelidikan berikut: sejauh manakah pekerja percaya bahawa mereka memiliki ciri-ciri Triad Gelap dan sejauh manakah pekerja menganggap *bahawa mereka mempunyai ciri-ciri kurang Triad Gelap dibandingkan dengan rakan-rakan mereka di tempat kerja? Data untuk kajian ini dikumpulkan dari sampel 64 orang pelajar MBA dari sebuah universiti terkemuka di Malaysia yang bekerja di pelbagai industri. Keputusan analisis kekerapan dan Wilcoxon Signed Rank Test menunjukkan bahawa responden percaya bahawa mereka memiliki ciri-ciri Triad Gelap, dan mereka diberi nilai tinggi pada diri mereka sendiri dan bukannya yang lain yang diketahui pada semua komponen sifat Triad Gelap. Implikasi penemuan dan cadangan kajian masa depan telah dibincangkan.*

***Kata kunci**: Triad Gelap, Ciri Keperibadian, Narcissism, Machiavellianism, Psikopati*

INTRODUCTION

Since the ancient time, scholars had developed an interest in understanding people's personality (Crocq, 2013). The emergence of modern personality psychology, however, started in 19th century (Ellis, Abrams, & Abrams, 2009). There are many research works focusing on understanding the nature of positive personality traits such as the Big Five and happy personality traits, its antecedents and consequences, and the underlying mechanisms that help to explain the relationship between various constructs and the positive personality traits. On the contrary, the negative personality traits attract scholars' attention only at later years (Harms & Spain, 2015).

Among the negative personality traits, Dark Triad receives the most attention within organizational research. Spain, Harms, and LeBreton (2014) review the utilities of the dark personality traits, which include the Dark Triad, and found that these traits affect job attitudes, job performance, organizational citizenship behavior, counterproductive work behavior, and creative performance. They also found that the dark personality traits affect several human resources functions such as training and interviewing. Interest in understanding the effect of the dark personality traits, especially the Dark Triad, also emerges in relation to leadership (e.g., Kiazad, Restubog, Zagenczyk, Kiewitz, & Tang, 2010; Mathieu, Neumann, Hare, & Babiak, 2014).

Despite the increasing number of studies on the Dark Triad traits, little attempt has been done to examine the evaluation of oneself and others on the Dark Triad traits. Understanding how a person evaluates himself possessing these traits relative to others is important for organizational researchers and practitioners to take necessary actions in overcoming the traits' adverse effects at the workplace. Therefore, this study aims at to fulfill this gap by addressing the following research questions: to what extent do employees believe that they possess the Dark Triad traits and to what extent do employees favorably rate themselves possessing less Dark Triad traits compared to their colleagues at work?

LITERATURE REVIEW

The major organizational research streamline has been directed towards understanding the nature, causes, and consequences of positive work behavior. In the workplace, however, negative work behavior is also a concern to many employees. Past literature found that various factors contribute to the occurrence of these dark behaviors (e.g., Chen & King, 2018; Mitchell, Baer, Ambrose, Folger, & Palmer, 2018). One of these factors is negative personality traits, especially the Dark Triad traits (O'Boyle, Forsyth, Banks, & McDaniels, 2012).

Dark Triad traits refer to the constellation of three socially aversive personality traits, which are Machiavellianism, narcissism, and psychopathy (Paulhus & Williams, 2002). A person who possesses the Machiavellianism trait is known to be someone who will do anything to win; that is, ends justify the means (Scandura, 2017). They are the ones who believe that people can be manipulated and doing so is permissible in realizing a targeted goal (Paulhus & Williams, 2002; Sacndura, 2017). Narcissism refers to the expression of grandiosity, entitlement, dominance, and superiority (Paulhus & Williams, 2002). It also reflects the self-serving bias in which a person will attribute success to himself but failures to others (Emmons, 1987). Unlike Machiavellianism and narcissism, psychopathy is the extreme socially aversive trait in the Dark Triad traits. A person who possesses this trait has no feelings of guilt, is impulsive, and seeks immediate gratification of his needs (Scandura, 2017). Therefore, psychopathy is defined as characters with high impulsivity, thrill-seeking, and having low empathy and anxiety (Paulhus & Williams, 2002).

Although narcissism and psychopathy can be found in clinical studies involving individuals under clinical or forensic supervisions, the two traits have been studied using broader community samples known as subclinical samples (Furnham, Richards, & Paulhus, 2013). Hence, to distinguish these traits under different conditions, subclinical narcissism and subclinical psychopathy are referred to when the traits are studied using broader community samples. These two subclinical traits are combined together with Machiavellianism to form the Dark Triad traits. Paulhus and Williams (2002) argue that the three traits are distinct constructs but they overlap with each other to some extent. In particular, the three traits represent *socially malevolent traits with behavior tendency toward self-promotion, emotional coldness, duplicity, and aggressiveness* (p.557), but Paulhus and Williams found that the three constructs of Dark Triad traits are distinctive when measured with the normal population. Therefore, the three constructs were examined separately in the present study.

Numerous evidences show that these three traits are commonly found in the workplace (Cohen, 2018). Jonason, Slomski, and Partyka (2012) argue that it is no surprise to find employees with Dark Triad traits in the workplace because these traits are not immediately visible during a short period of employment interview. Coined as toxic employees, the authors also contend that these employees survive in organizations through their "desirable" personalities (e.g., charm and assertiveness) and their ability to use different tactics to influence others in the workplace.

Since 2002, there is an exponential growth of research on Dark Triad traits in organizational research. A search hit in Google Scholar with key terms "Dark Triad" and "workplace" shows that there are 1,710 published articles. The research streams on this phenomenon can be divided into understanding the nature of the Dark Triad traits (e.g., Paulhus & Williams, 2002), identifying its antecedents and consequences (e.g., Kiazad et al., 2010), and explaining its underlying mechanism (e.g., Giammarco & Vernon, 2014). Although most of the studies on Dark Triad traits focus on its relation to antisocial work behavior, some studies also focus on its beneficial impact to organizational members (e.g., Jonason, Webster, Schmitt, Li, & Crysel, 2012; Jonason, Wee, & Li, 2014).

Fokus kajian ini hanya melibatkan pelajar–pelajar asnaf di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Ini memandangkan KUIS adalah anak syarikat Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang mana pelajar-pelajar asnaf yang datangnya daripada negeri ini mendapat pembiayaan biasiswa pelajaran daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS). Keseluruhannya, jumlah pelajar asnaf dalam pelbagai bidang pengajian dan tahap di KUIS bagi tahun 2016 adalah 415 orang yang terdiri daripada pelajar asasi seramai 38 orang, pelajar Diploma seramai 238 orang dan pelajar tahap Ijazah Sarjana Muda sebanyak 139 orang. Selain itu kajian ini hanya fokus kepada tiga faktor sahaja iaitu minat, pendidikan dan sokongan dan bantuan Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang dijangkakan mempengaruhi kecenderungan pelajar-pelajar Asnaf KUIS ini menceburi bidang keusahawanan.

TINJAUAN LITERATUR

Menurut Yahaya Ibrahim (2014) secara umumnya, usahawan merujuk kepada individu yang berjaya menubuhkan atau menguruskan sesuatu jenis perniagaan atau perusahaan. Matlamat utama usahawan adalah untuk mencapai kejayaan atau keuntungan untuk dirinya dan menyumbang kepada kemakmuran masyarakat sekeliling dan juga negara. Manakala, Zimmerer dan Scarborough (2008) pula mendefinisikan usahawan sebagai seorang yang mencipta satu usaha niaga yang baru dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan dan memperkembangkan perniagaan dengan mengenalpasti dan memanfaatkan peluang-peluang perniagaan menggunakan sumber-sumber yang tertentu. Pengkaji dapati definisi Yahaya Ibrahim (2014) dan Zimmerer dan Scarborough (2008) ini adalah selari. Sebaliknya, Mohd Rosli (2013) yang menyatakan usahawan juga adalah seorang pengurus yang menerajui perniagaannya dan dapat menuntut hak keempunyaan ke atas perniagaan tersebut, oleh itu ia menanggung risiko perniagaan. Istilah usahawan ini telah diperincikan lagi oleh Farahwahida et. al (2015) yang menghuraikan istilah usahawan itu terbit daripada perkataan ‘usaha’ yang bermaksud daya usaha, ikhtiar, kegiatan, dan perkara-perkara untuk melaksanakan sesuatu pekerjaan.

Selain itu, menurut Nor Aishah Buang (2002) bidang keusahawanan menjadi tumpuan kerjaya orang ramai di Malaysia kerana pekerjaan ini mempunyai daya tarikan yang tersendiri. Daya tarikan ini boleh dibahagikan kepada tiga iaitu keuntungan, kebebasan dan kepuasan cara hidup.

Dari sudut Islam, Keusahawanan adalah salah satu bidang perkerjaan yang amat digalakkan di dalam Islam kerana selain faktor pendapatan dan keuntungan, ia sebenarnya juga turut menekankan aspek kebajikan serta sumbangannya kepada keperluan dan kemaslahatan ummah (Mohd Zain Mubarak 2016). Pengkaji dapati pandangan Mohd Zain Mubarak (2016) ini selari dengan Ab. Aziz Yusof (2010) yang menyatakan bahawa kerjaya usahawan mulia disisi agama bukan semata- mata kerana kerja yang dilakukan itu memberi kebaikan kepada orang malah ia disebabkan oleh ciri-ciri dan sikap yang dimiliki oleh usahawan. Antara sifat- sifat tersebut adalah berani mencuba, penetapan matlamat yang jelas, berdaya inovatif, cekal, yakin diri dan bertanggungjawab.

Seterusnya kita lihat pula definisi asnaf. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat, asnaf adalah golongan yang berhak menerima zakat. Dana disumbangkan kepada individu Islam yang terbahagi kepada lapan golongan, ia diagihkan dengan kadar tertentu dan juga disalurkan untuk kemudahan institusi pelajaran dan sebagainya.
Firman Allah S.W.T :

> *"Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang mu'allaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan". (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (Ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana."*
>
> *(Al-Qur'an, Surah At-Taubah 9:60)*

Surah At- Taubah ayat 60, menjelaskan jenis-jenis asnaf yang terbahagi kepada lapan golongan yang layak menerima agihan zakat. Lapan golongan ini diperincikan oleh Nik Mustapha Nik Hassan (2001) seperti Asnaf *Fakir dan* Asnaf *Miskin,* Asnaf *amil*, Asnaf *Muallaf*, Asnaf *al-Riqab*, Asnaf *al- Gharimin*, Asnaf *Fisabilillah*, dan Asnaf *Ibnussabil.*

Menurut Muhamed Izam (2010), pengagihan dana zakat pada masa kini telah disediakan dalam pelbagai bentuk agihan. Selain daripada menyediakan pelbagai program dan bantuan kepada keluarga-keluarga asnaf, pihak Lembaga Zakat juga memberi bantuan pendidikan kepada anak-anak asnaf bagi memudahkan mereka mengikuti pelajaran seperti kanak- kanak yang lain. Sejak penubuhan Lembaga Zakat pada tahun 1994, aspek pendidikan menjadi satu keutamaan kerana salah satu cara untuk membawa perubahan kepada keluarga asnaf ialah menerusi pendidikan. Kemiskinan tidak seharusnya diwarisi oleh golongan fakir miskin maka dengan itu, pendidikan adalah satu senjata bagi mengatasinya.

Melalui kajian-kajian lepas pengkaji mendapati terdapat beberapa faktor- faktor yang mendorong pelajar- pelajar asnaf melibatkan diri dalam dunia keusahawanan seperti di bawah:

1. Faktor Minat

Menyemai minat dan melatih pelajar dalam bidang keusahawanan amat penting dilakukan dari peringkat awal dan ia telah dibuktikan melalui banyak kajian lepas dan teori-teori serta model keusahawanan yang menunjukkan bahawa pendedahan ilmu keusahawanan dari bangku sekolah lagi memberikan impak atau kejayaan dalam pembudayaan keusahawanan dalam kalangan pelajar

(Norasmah Hj, Othman et.al , 2007). Sebagai contoh kajian Adam, Abdul Razak dan Abu Bakar (2011) mendapati bahawa semua pelajar semester akhir di Kolej Komuniti Jasin, Melaka menunjukkan kecenderungan yang tinggi terhadap bidang keusahawanan. Pelajar berminat untuk memulakan perniagaan sekiranya diberi peluang dan sumber yang diperlukan. Pelajar juga didapati mempunyai sumber dorongan yang tinggi terhadap keusahawanan.

Seterusnya, menurut pandangan Hisrich et al. (2008), proses keusahawanan bermula dengan keinginan serta diikuti dengan pengenalpastian dan penilaian peluang sehingga tempoh masa tertentu untuk membuat keputusan menceburi bidang kerjaya ini. Manakala menurut Ab. Aziz dan Zakaria Yusof (2004) perkara utama yang perlu ada dalam diri seorang usahawan adalah kemampuan dan kesungguhan dalam mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Dengan ini, ia menunjukkan faktor minat akan mempengaruhi kesungguhan seorang usahawan untuk mencapai matlamat perniagaan yang telah ditetapkan. Yusof Boon dan Sapiah Bohari (2005) pula, menyatakan bahawa minat atau kesukaan terhadap sesuatu perkara akan mendorong seseorang pelajar untuk meneroka dengan lebih jauh dan minat tersebut perlu ditanam dalam diri setiap pelajar. Semakin tinggi minat seseorang dalam sesuatu perkara, semakin tinggi semangatnya bagi mencari jalan untuk mengukuhkan minatnya tetapi jika pelajar tersebut tidak berminat akan perkara tersebut, maka keupayaan atau kesungguhan untuk memperolehi maklumat akan menjadi lemah dan kurang daya usaha. Pengkaji dapati Hisrich et al. (2008), Ab Aziz dan Zakaria Yusuf (2004) dan Yusof Boon dan Sapiah Bohari (2005) ini menunjukkan dapatan yang sama iaitu faktor minat sangat mempengaruhi seseorang pelajar itu untuk menceburi bidang keusahawanan.

Selain itu, pembentukkan minat dalam diri pelajar asnaf boleh juga dipengaruhi oleh faktor lain seperti latar belakang keluarga dan rakan sebaya. Karier keusahawanan seseorang dipengaruhi oleh latar belakang pekerjaan ibubapa yang mana jika seseorang mempunyai ibu atau bapa yang bekerja sebagai usahawan akan menjadikan atau menimbulkan minat dalam diri anak mereka untuk menjadi seperti ibu bapa mereka (Hisrich et al 2008). Ibu dan bapa menjadi salah satu elemen penting yang dapat menimbulkan minat dalam diri anak-anak mereka supaya menjadi seorang usahawan yang berjaya. Kebiasaanya, anak-anak akan mengikut jejak ahli keluarga mereka yang berjaya dan cenderung untuk belajar dan bekerja seperti individu tersebut.

Seterusnya Aziz dan Zakaria (2004) menjelaskan lagi, faktor minat memainkan peranan yang penting dalam pembentukkan seorang usahawan yang berjaya. Seseorang itu tidak dilahirkan sebagai seorang usahawan dan ciri-ciri keusahawanan itu tidak boleh diwarisi. Seseorang itu boleh menjadi usahawan apabila mereka melalui sendiri proses-proses dalam pembangunan atau pembentukkan usahawan. Dan yang paling utama, untuk menjadi usahawan, seseorang itu memerlukan minat dan kemahiran dalam bidang yang hendak diceburi. Oleh itu, sesiapa pun boleh menjadi seorang usahawan akan tetapi, untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya dalam perniagaannya, haruslah mempunyai minat yang mendalam agar kesungguhan untuk memajukan perniagaannya itu dapat ditingkatkan dan tidak berputus asa.

2. Faktor Pendidikan

Pendidikan Perdagangan telah diperkenalkan pada tahun 1960an iaitu ketika bermulanya kurikulum pengajaran perdagangan dalam sistem aneka jurusan diperingkat sekolah menengah rendah. Kemudian ia ditukarkan kepada kurikulum perdagangan dan keusahawanan yang dilaksanakan sepenuhnya sejak tahun 1985. Pada tahun 1989, mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) diperkenalkan bagi menggantikan mata pelajaran yang lama kerana pendedahan ilmu perdagangan dan keusahawanan hanya terhad kepada pelajar yang mengambil subjek perdagangan sahaja berbeza dengan subjek KHB yang mana semua pelajar berpeluang untuk mempelajarinya (Norasmah Hj. Othman, 2007).

Mulai dari Julai 2007 dan seterusnya, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mewajibkan kesemua pelajar yang melanjutkan pelajaran ke peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk mengambil mata pelajaran keusahawanan sebagai satu mata pelajaran yang wajib (Utusan Malaysia, 2 Julai 2007). Ini selari dengan pewartaan Pelan Strategik Pendidikan Negara (2011-2015) yang menfokuskan kepada mengarusperdanakan pendidikan keusahawanan bagi meningkatkan daya keusahawanan dalam kalangan pelajar- pelajar yang juga akan menyumbang dalam pertumbuhan ekonomi negara. Ini menunjukkan usaha kerajaan dalam memupuk minat dalam bidang keusahawanan di kalangan pelajar. Selain itu, Kementerian Pengajian Tinggi juga berpendapat adalah penting bagi pelajar-pelajar Universiti, Politeknik dan Kolej Komuniti diberikan pendedahan dan diterapkan dengan nilai-nilai dan kemahiran keusahawanan yang merangkumi aspek kepimpinan, inovasi, kreativiti, berdaya saing, berdikari serta mempunyai kebolehan untuk mengenalpasti dan membuka peluang (Pelan strategik Pendidikan Tinggi Negara 2011-2015, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia).

Barjoyai Bardai (2000), menyatakan bahawa ekonomi yang berasaskan pengetahuan atau dikenali sebagai *k-ekonomi* menuntut masyarakat keusahawanan yang lebih berpengetahuan dan berkemahiran supaya tidak jauh ketinggalan. Malah, kajian daripada Rahmah dan Nor Aini (2007) juga telah menyimpulkan bahawa *k- ekonomi* adalah suatu transformasi yang harus dimiliki oleh setiap negara pada masa kini bagi menghadapi persaingan ekonomi yang semakin sengit antara negara. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya ilmu pengetahuan dalam melahirkan usahawan yang berdaya maju seiring membangunkan ekonomi negara. Kajian ini disokong oleh Isma Addi Jumbri dan Mohamad Zahir Zainudin (2011) yang mendapati pendekatan keilmuan dan pendidikan adalah mekanisma yang paling berkesan untuk menerapkan budaya keusahawanan kerana pendidikan meliputi kemahiran, pengetahuan dan sikap yang membantu seseorang individu merancang masa depan serta berkemahiran dalam menyelesaikan masalah.

Selain itu, Warman et al. (2010), Abdul Aziz (2010), dan Adam, Abdul Razak dan Abu Bakar (2011) menjelaskan kecenderungan pelajar dalam bidang keusahawanan dan penerapan kemahiran keusahawanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mempengaruhi kecenderungan pelajar menceburi dunia keusahawanan. Kajian juga mendapati kebanyakan program-program yang dilaksanakan di peringkat institusi pendidikan dapat membudayakan keusahawanan dalam kalangan pelajar.

Terdapat banyak program dan latihan keusahawanan yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan swasta dan antara program- program tersebut adalah Persatuan Usahawan Graduan (PUGM) yang telah ditubuhkan pada September 2004 ialah satu platform kepada para graduan yang berminat dalam bidang keusahawanan sebagai kerjaya untuk menjana pendapatan yang lumayan, tetap dan berdaya saing (Asmawi Hashim et.al 2008). Selain itu, Program Pengusaha

Muda, Program Usahwan Muda, Pogram Skim Usahawan Siswazah, Program Pembangunan Usahawan Siswa, Program Tunas Bestari dan penglibatan pelajar dalam aktiviti kelab-kelab usahawan di sekolah (Norasmah,2002) didapati telah dapat memupuk kecederungan pelajar menceburi dunia keusahawan.

3. Faktor Bantuan dan Sokongan Lembaga Zakat

Lembaga Zakat ditubuhkan untuk menguruskan kutipan dan pengagihan dana zakat dan ia bergerak sebagai salah sebuah institusi Islam yang berperanan dalam menyusun dan membangunkan kekuatan sosio ekonomi ummah serta ia telah ditubuhkan di setiap negeri di Malaysia. Salah satu objektif penubuhan Lembaga Zakat adalah untuk merapatkan jurang pendapatan atau ekonomi ke tahap yang paling minimum di dalam sesebuah masyarakat (Zulkefly Abd Karim et.al 2004).

Terdapat negeri yang melantik badan khusus untuk menguruskan kutipan dan pengagihan zakat seperti Lembaga Zakat Selangor dan Pusat Urus Zakat Pulau Pinang. Dan terdapat juga negeri yang menjalankan aktiviti kutipan dan pengagihan melalui Majlis Agama Islam seperti yang dilaksanakan di negeri Johor dan Kelantan. Malah, ada juga yang menjalankan pengutipan serta pengagihan yang berasingan seperti Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZWP) dan Baitulmal atau Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Memandangkan skop kajian ini dijalankan ke atas pelajar asnaf yang mendapat tajaan LZS di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), maka pengkaji akan fokus kepada sokongan dan bantuan Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan memberi bantuan dan sokongan kepada asnaf menceburi bidang keusahawanan. Dari segi sejarah, Penubuhan LZS adalah untuk memperkasakan pengurusan institusi zakat dengan memaksimakan potensi kutipan zakat, menangani dan membasmi kemiskinan, meningkatkan syiar Islam serta membangunkan sosioe konomi ummah dan menyediakan perkhidmatan pelanggan yang berkualiti. (Lembaga Zakat Selangor, 2006)

Pada awalnya, Lembaga Zakat Selangor (LZS) hanya bermula dengan sebuah pusat kemudian berkembang menjadi Lembaga Zakat yang berfungsi untuk mengumpul dan mengagihkan zakat. Pada tahun 2003, LZS telah menjalankan proses pemberian bantuan modal kepada golongan asnaf yang berkelayakan. Selain itu, bagi memantau kelancaran program keusahawanan, LZS telah membentuk satu unit khas iaitu Jabatan Pembangunan Asnaf (JPA) pada tahun 2005. Antara program yang dijalankan adalah Program Keusahawanan yang berbentuk jangka panjang dan berperanan untuk meningkatkan taraf hidup golongan asnaf. Terdapat beberapa kriteria yang diambil berat oleh LZS dalam pemilihan asnaf yang berkelayakan, antara kriteria tersebut adalah kebolehan serta kemampuan mental dan fizikal bagi memperoleh pendapatan untuk menyara keluarga mereka. Bantuan yang disediakan adalah modal permulaan bagi perniagaan yang berskala kecil seperti perniagaan, pertanian dan akuakultur serta memantau proses pemasaran dan setiap kemajuan perniagaan. Seterusnya LZS telah menubuhkan Teraju Ekonomi Asnaf (TERAS) Zakat untuk memantau pembangunan ekonomi asnaf selangor yang terlibat dalam perniagaan untuk memastikan asnaf-asnaf yang diberikan bantuan perniagaan berjaya dalam perniagaan dan akhirnya keluar dari kategori asnaf.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Patmawati (2005) agihan zakat yang produktif dapat membantu memberikan peluang kepada usahawan-usahawan asnaf untuk menjana pendapatan yang lebih baik, malah mereka juga dilatih menjadi seorang usahawan yang berjaya melalui program-program latihan yang disusun. Dengan adanya bantuan dan sokongan daripada pihak-pihak berkenaan seperti Lembaga Zakat, masalah kemiskinan dapat dikurangkan. Ini terbukti melalui dapatan kajian Muhammad Haris Riyaldi (2012) yang mendapati sebahagian usahawan asnaf telah berjaya meningkatkan produksi dan pendapatannya selepas mendapat bantuan dana zakat. Di samping pendapatan masing-masing telah meningkat, mereka juga telah merasakan terjaminnya kesihatan dan pendidikan bagi keluarganya. Sebahagian pula berjaya memiliki tabungan bagi keperluan di masa akan datang

Manakala Azman Abd Rahman et al. (2014) menerangkan bantuan modal diberikan setelah pihak zakat melihat potensi perniagaan dan bantuan yang diberikan terdiri daripada dua jenis iaitu modal awal perniagaan dan pembelian asset tetap (barangan keperluan perniagaan seperti mesin) dan sewaan premis. Bantuan modal yang diberikan terbahagi kepada dua iaitu kurang dari RM 5000 untuk asnaf fakir, miskin dan mualaf yang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan dan bantuan modal sebanyak RM 5,000 sehingga RM 50,000 bagi asnaf fakir, miskin dan mualaf yang menjalankan perniagaan berskala besar seperti restoran, kedai dobi, makanan tradisional, bengkel kenderaan dan sebagainya. Selain dari menyediakan bantuan modal, pihak zakat juga membekalkan latihan dan kursus dalam usaha meningkatkan motivasi diri, keyakinan serta pengetahuan dalam bidang perniagaan ini (Azman et.al 2014).

Selain daripada menyediakan bantuan dari segi modal dan latihan, pihak LZS juga menjalankan pemantauan pada setiap aktiviti peniaga asnaf bagi memastikan usaha perniagaan berjalan lancar. Di samping itu, mereka juga membuat penyelidikan terhadap produk-produk yang dihasilkan bagi memastikan produk-produk tersebut diterima umum dan juga untuk memperbaiki sebarang kelemahan jika terdapat pada produk yang dihasilkan (Akhtar Sahari, 2007).

Dengan mengikuti program dan aktiviti yang telah disediakan oleh pihak Lembaga Zakat, para usahawan asnaf dapat meningkatkan potensi mereka untuk berdaya saing di pasaran serta mengembangkan perniagaan mereka diperingkat antarabangsa. Secara tidak langsung, para usahawan asnaf yang disantuni oleh LZS ini dapat keluar daripada kepompong kemiskinan dan menjadi seorang *muzakki* yakni pembayar zakat serta membantu masyarakat lain yang memerlukan yang mana di kenali sebagai proses "*turning over*".(Hisham Sabri et al., 2006). Dengan pelbagai bantuan yang disediakan oleh Lembaga zakat ini dapat memberi galakan kepada pelajar-pelajar asnaf menceburi bidang keusahawanan semasa dan selepas bergradusi.

METODOLOGI KAJIAN

Kertas kajian kuantitatif ini menggunakan kaedah pengumpulan data melalui sumber primer dan sekunder. Kaedah pengumpulan data melalui sumber primer dilakukan melalui kajian kepustakaan iaitu buku, junal dan artikel-artikel yang lepas serta portal rasmi agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Manakala, kaedah pengumpulan data sekunder dilakukan melalui edaran borang soal selidik secara rawak kepada 215 orang responden yang terdiri daripada pelajar asnaf daripada jumlah keseluruhan 415 pelajar asnaf (Populasi) dalam pelbagai program di KUIS sehingga Disember 2016. Daripada jumlah itu hanya 196 responden yang memulangkan borang soal selidik dengan lengkap. Instrumen untuk soalan soal selidik dalam kajian ini diubahsuai dan diadaptasi daripada Azilahwati (2012) dan Ariniwati Aliza Miaat (2014). Menurut Wan Rosmini (2000), kaedah soal selidik adalah kaedah yang terbaik (berkesan dan mudah) untuk mendapatkan data dalam sesebuah kajian. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 20.0 menggunakan kaedah deskriptif, korelasi dan regresif untuk mencapai objektif kajian yang telah dibincangkan sebelum ini.

Kerangka kajian

Berdasarkan kajian-kajian lepas, kajian ini dijalankan dengan mengadaptasi kajian Azilahwati Adam (2012) dan Erinawati Aliza Miaat (2014). Melalui Rajah 1 di bawah, pembolehubah tidak bersandar dalam kajian ini adalah pendidikan, minat dan bantuan dan sokongan Lembaga Zakat Selangor yang dijangkakan akan mempengaruhi pembolehubah bersandar iaitu kecenderungan pelajar asnaf menceburi bidang keusahawanan. Pembolehubah tidak bersandar yang baru yang dimasukkan dalam kajian ini adalah bantuan dan sokongan lembaga Zakat Selangor yang tidak dikaji oleh Azilahwati Adam (2012) dan Erinawati Aliza Miaat (2014) ini.

Rajah 1: Kerangka Kajian



Adam (2012) dan Eriniwati Aliza Miaat (2014).

Berikut adalah hipotesis-hipotesis untuk kajian ini:

H1: Terdapat hubungan yang signifikan di antara ***faktor minat*** dengan kecenderungan pelajar asnaf menceburi bidang keusahawanan

H2: Terdapat hubungan yang signifikan di antara ***faktor pendidikan*** dengan kecenderungan pelajar asnaf menceburi bidang keusahawanan.

H3:Terdapat hubungan yang signifikan di antara ***faktor bantuan dan sokongan*** **Lembaga Zakat Selangor** dengan kecenderungan pelajar asnaf menceburi bidang keusahawanan

DAPATAN KAJIAN

Seterusnya di bahagian ini pengkaji akan membincangkan dapatan kajian hasil daripada data yang telah dianalisis untuk menjawab dua objektif yang telah dibincangkan sebelum ini.

Objektif 1
Objektif pertama kajian ini adalah untuk mengenalpasti hubungan antara faktor minat, pendidikan, bantuan dan sokongan Lembaga Zakat dengan kecenderungan pelajar- pelajar asnaf dalam menceburi dunia keusahawanan.

a) **Faktor Minat**

Dapatan daripada analisis korelasi dalam Jadual 2 di bawah, mendapati bahawa faktor minat mempunyai hubungan yang signifikan terhadap kecenderungan pelajar asnaf dalam menceburi dunia keusahawanan pada tahap signifikan 0.01 dengan kekuatan hubungan pada tahap sederhana dengan nilai koeffisien adalah sebanyak 0.434 . Maka dengan itu, hipotesis (H1) diterima iaitu terdapat hubungan yang signifikan antara faktor minat dengan kecenderungan pelajar asnaf menceburi dunia keusahawanan. Pengkaji dapati, dapatan ini selari dengan dapatan pengkaji-pengkaji yang lepas iaitu Adam, Abdul Razak dan Abu Bakar (2011), Hisrich et al (2008), yusuf Boon dan Sapiah Bohari (2008) dan Ab Azizi dan Zakaria (2004). Justeru kita tidak dapat nafikan pengaruh minat sangat mempengaruhi seseorang itu menceburi sesuatu bidang keusahawanan. Malah jika mereka mempunyai minat yang mendalam dalam bidang keusahawanan, ini akan membawa kecenderungan yang lebih kepada pelajar-pelajar asnaf ini untuk terlibat dalam bidang perniagaan selepas mereka bergraduasi.

Jadual 2: Ujian Korelasi antara Faktor Minat dengan Kecenderungan Pelajar Asnaf Menceburi Dunia Keusahawanan

			Minat	**Kecenderungan pelajar menjadi usahawan**
Spearman's rho	Minat	Correlation Coefficient	1.000	.434**

		Sig. (2-tailed)	.	.000
		N	196	196
	Kecenderungan pelajar menjadi usahawan	Correlation Coefficient	.434**	1.000
		Sig. (2-tailed)	.000	.
		N	196	196

b) **Faktor Pendidikan**

Hasil ujian korelasi dalam Jadual 3 di bawah, mendapati bahawa faktor pendidikan mempunyai hubungan yang positif dan signifikan terhadap kecenderungan pelajar asnaf menceburi dunia keusahawanan pada tahap signifikan 0.01 dan ia tidak melebihi nilai 0.05 dengan kekuatan hubungan pada tahap lemah. Nilai koeffisien yang didapati adalah sebanyak 0.256 sahaja. Maka dengan itu, hipotesis (H2) diterima iaitu terdapat hubungan yang signifikan antara faktor pendidikan dengan kecenderungan pelajar asnaf menceburi dunia keusahawanan. Pengkaji dapati dapatan ini selari dengan Isma Addi Jumbri dan Mohamad Zahir Zainudin (2011), Adam, Abdul Razak dan Abu Bakar (2011), Warman et al (2010) dan Abdul Aziz (2010).

Jadual 3: Ujian Korelasi antara Faktor Pendidikan dengan Kecenderungan Pelajar Asnaf Menceburi Dunia Keusahawanan

			Pendidikan	**Kecenderungan pelajar menjadi usahawan**
Spearman's rho	Pendidikan	Correlation Coefficient	1.000	.256**
		Sig. (2-tailed)	.	.000
		N	196	196
	Kecenderungan pelajar menjadi usahawan	Correlation Coefficient	.256**	1.000
		Sig. (2-tailed)	.000	.
		N	196	196

c) **Faktor Bantuan dan Sokongan LZS**

Dapatan daripada ujian korelasi yang seterusnya, didapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor bantuan dan sokongan Lembaga Zakat dengan kecenderungan pelajar asnaf menceburi dunia keusahawanan pada tahap signifikan 0.01 dengan kekuatan hubungan pada tahap lemah dan nilai koeffisien sebanyak 0.383. Justeru, hipotesis (H3) diterima iaitu terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor bantuan dan sokongan LZS dengan kecenderungan pelajar asnaf menceburi dunia keusahawanan. Dapatan ini walaupun ia lemah tapi masih signifikan dan ianya selari dengan dapatan kajian oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini iaitu Azman Abd Rahman et al (2014), Muhammad Haris Riyaldi (2012) dan Patmawati (2005). Justeru kita tidak boleh menafikan bahawa peranan bantuan dan sokongan Lembaga Zakat Selangor masih signifikan dalam mempengaruhi pelajar-pelajar asnaf ini menceburi bidang keusahawanan selepas mereka bgraduasi kelak.

Jadual 4: Ujian Korelasi antara Faktor Bantuan dan Sokongan LZS dengan Kecenderungan Pelajar Asnaf Menceburi Dunia Keusahawanan

			Bantuan	**Kecenderungan pelajar menjadi usahawan**
Spearman's rho	Bantuan	Correlation Coefficient	1.000	.383**
		Sig. (2-tailed)	.	.000
		N	196	196
	Kecenderungan pelajar menjadi usahawan	Correlation Coefficient	.383**	1.000
		Sig. (2-tailed)	.000	.
		N	196	196

Analisis Korelasi Keseluruhan Kajian

Jadual 5 di bawah pula, menunjukkan analisis Korelasi secara keseluruhan yang melibatkan kesemua pembolehubah. Persamaan Y: β0 + β1X1 + β2 X2 digunakan bagi menerangkan keputusan analisis korelasi yang telah diperolehi. Simbol (Y) merupakan pembolehubah bersandar iaitu kecenderungan pelajar asnaf menjadi usahawan. Simbol (X) pula adalah pembolehubah-pembolehubah yang telah digunakan dalam kajian ini yang terdiri daripada faktor minat, faktor pendidikan, faktor bantuan dan sokongan LZS dan juga faktor kemiskinan. Jadual 5 di bawah dapat membantu menerangkan dengan lebih lanjut.

Persamaan Korelasi (r)
$Y: \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2$
Y= minat + pendidikan, Bantuan +Sokongan Lembaga Zakat
Y= 0.434+ 0.256+ 0.383

Berdasarkan Jadual 5 dan persamaan korelasi di atas dapat dilihat bahawa kesemua faktor mempunyai hubungan yang positif terhadap kecenderungan pelajar asnaf menjadi usahawan tetapi setiap faktor berada pada tahap kekuatan hubungan yang berbeza. Faktor yang paling dominan ialah faktor minat yang mana nilai korelasinya adalah 0.434 iaitu 43.4 peratus mempengaruhi Y. Faktor yang terendah adalah faktor pendidikan kerana nilai yang didapati hanya 0.256 iaitu 25.6 peratus sahaja pengaruhnya terhadap kecenderungan pelajar asnaf dalam menceburi dunia keusahawanan. Dapatan ini mengambarkan walaupun pelajar asnaf itu mendapat pendidikan keusahawanan di universiti secara langsung atau tidak langsung melalui program-program yang dijalankan di universiti dan juga mereka mengetahui jika mereka bergradusi mereka juga boleh mendapatkan bantuan atau sokongan LZS untuk memulakan perniagaan tetapi faktor yang paling kuat yang membawa kepada kemungkinan mereka ini menceburi bidang perniagaan adalah minat. Minat memainkan peranan yang besar berbanding faktor pendidikan dan juga bantuan dan sokongan LZS.

Jadual 5: Analisis Korelasi Keseluruhan

		Minat	**Pendidikan**	**Bantuan LZ**
Kecenderungan pelajar asnaf menjadi usahawan	Korelasi Pearson Sig. (2 tailed) N	.434** .000 196	.256** .000 196	.383** .000 196

Objektif 2

Objektif kedua kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor dominan yang mempengaruhi kecenderungan pelajar-pelajar asnaf dalam menceburi dunia keusahawanan.

Untuk mengenalpasti faktor dominan yang mempengaruhi kecenderungan pelajar-pelajar asnaf dalam menceburi dunia keusahawanan pengkaji menggunakan kaedah analisis Regrasi Linear. Berdasarkan Analisis regresi dalam Jadual 6 di bawah, ia menunjukkan bahawa kesemua pembolehubah dalam kajian ini mempunyai pengaruh positif sebanyak 43.6 peratus ke atas kecenderungan pelajar asnaf menceburi dunia keusahawanan. Perkara ini dijelaskan dengan dapatan nilai regresi sebanyak R2 = 0.436. Manakala, jika diperhatikan nilai R2 yang diselaraskan (adjusted R Square) adalah 0.425 yang menunjukkan nilai yang lebih rendah. Secara keseluruhanya, pembolehubah yang tidak bersandar (IV) mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kecenderungan pelajar asnaf dalam menceburi bidang keusahawanan.

Jadual 6: Analisis Regrasi Linear

Model	**R**	**R Square ($r^{2)}$**	**Adjusted R Square (pelarasan $r^{2)}$**	**Std. Error of the Estimate**
1	.661[a]	.436	.425	.50552

a.Predictors: (Constant), iv2, iv3, minat
b.Pembolehubah Bersandar: Pelajar Asnaf menjadi usahawan

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kesimpulannya, kemua faktor yang dikaji mempunyai hubungan signifikan kepada kecenderungan pelajar asnaf untuk menceburi bidang keusahawanan selepas mereka bergradusi. Namun faktor minat mempunyai tahap signifikan paling tinggi berbanding faktor pendidikan dan bantuan serta sokongan Lembaga Zakat Selangor (LZS). Justeru kajian ini diharapkan boleh dijadikan panduan oleh pelajar asnaf, pihak universiti dan Lembaga Zakat dalam menyediakan program-program yang berkesan yang boleh menarik minat pelajar-pelajar asnaf menceburi bidang keusahawan selepas bergraduasi. Ini kerana kita tidak boleh menyangkalkan peranan besar bidang ini yang mampu mengubah status keluarga asnaf serta mengukuhkan lagi sumber pendapatan golongan ini.

Selain itu Pihak Lembaga Zakat terutamanya LZS juga disarankan dapat mempelbagaikan program–program yang dapat meningkatkan lagi serta mencungkil bakat yang terpendam dalam diri pelajar asnaf supaya mereka dapat menjadi orang yang berjaya dan juga dapat keluar daripada belenggu kemiskinan. Dengan kata lain, berlaku anjakan paradigma dalam kehidupan mereka daripada *Mustahiq* (penerima bantuan zakat) kepada seorang *Muzakki* (pembayar zakat) pada suatu hari nanti.

Akhir sekali, pengkaji mencadangkan beberapa cadangan di bawah untuk kajian lanjutan:

i- Skop kajian diperluaskan dengan membuat perbandingan di beberapa institusi pendidikan untuk melihat perbezaan kecenderungan pelajar asnaf menceburi bidang perniagaan.
ii- Meluaskan skop kajian dengan membuat perbandingan pelajar asnaf di negara lain seperti Indonesia dengan Malaysia.
iii- Membandingkan sistem bantuan dan sokongan untuk perniagaan oleh Lembaga Zakat Selangor dan di negeri-negeri lain dalam Malaysia
iv- Kajian ini juga boleh menggunakan kaedah kualitatif seperti temu bual dengan pelajar asnaf yang telah berjaya menjadi usahawan, yang mungkin dapatan kajiannya lebih mendalam berbanding kaedah kuantitatif yang dijalankan oleh pengkaji dalam kajian ini.

Rujukan

Al Quran

Ab. Aziz, Y., & Zakaria, Y. (2004). *Prinsip keusahawanan.* Edisi Kedua.Prentice Hall: Pearson Malaysia Sdn.Bhd.

Ab. Aziz, Y. (2010). Pengenalan kepada usahawan dan keusahawanan. Kuala Lumpur: ScholarMind Publishing.

Adam, A., Abdul Razak, S., & Abu Bakar, M. H. (2011). Kecenderungan pelajar pelajar semester akhir Kolej Komuniti Jasin terhadap keusahawanan. Mini Seminar Pendidikan Kolej Komuniti Jasin.

Azman, A. R. (2014). Keberkesanan program usahawan asnaf oleh institusi zakat dalam menginterpretasikan keharmonian ummah. Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Azman, A. R., Mohamad, Y. A. B., Mohammad, N. N., & Mahdir, A. (2014). Keberkesanan program usahawan asnaf oleh institusi zakat dalam menginterpretasikan keharmonian ummah. Universiti Sains Islam Malaysia. *Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic 2014* e-ISBN 978-967-11768-4-9, 4-5 March 2014, Kuala Lumpur, Malaysia.

Azman, A. R., Mohamad, Y. A. B., Mohammad, N. N., Mahdir, A., Ahmad, A. M. F., & Mohd Faez, A. B. (2016). Program usahawan bagi memperkasakan ekonomi golongan asnaf: pemantauan dari aplikasi MYEMA. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*. Vol 7. 2016. eISSN: 0127-8886

Akhtar, S. (2007). Program keusahawanan cerahkan masa depan asnaf. asnaf.

A. Wahab. (2013). Penerapan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar bidang kejuruteraan mekanikal di UTHM. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Azilahwati, A., Syahrizad, A. R., & Muhammad, H. A. B. (2012). Aspirasi kerjaya sebagai usahawan di kalangan pelajar-pelajar semester akhir Kolej Komuniti Jasin. Kolej Komuniti Jasin, Melaka.

Barjoyai, B. (2000). Keusahawanan dan perniagaan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.Kementerian Pengajian Tinggi, Majlis Keusahawanan Mahasiswa Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM),dan Institusi Pengajian Tinggi Awam (2007).

Boon, Y. & Abdol, A., & A.zizi. (2010). Profil keusahawanan di kalangan pelajar tahun empat ijazah sarjana muda teknologi serta pendidikan (kejuruteraan elektrik). pp 1-6. (Unpublished).

Dewan Bahasa dan Pustaka: http://ekamus.dbp.gov.my/

Eriniwati, A. M. (2014). Faktor yang mendorong kecenderungan pelajar kolej vokasional ke arah bidang keusahawanan. Tesis ijazah sarjana pendidikan teknikal Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. (Reka bentuk instruksional dan teknologi), http://eprints.uthm.edu.my/

Farahwahida, M. Y., Aminudin, H., Mohd Nasir, R., Zulkiflee, H., & Nurul Huda, M. (2015). Keusahawanan menurut perspektif al-qur'an. Edisi Pertama. Penerbit UTM Press, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

Fatimah, S. A. H., Mohd Yahya, M. H., Azila, A. R., Fidlizan, M., Mohamad Azahari, A. (2014). Faktor penentu prestasi bukan kewangan usahawan asnaf zakat di negeri Selangor. Universiti Pendidikan Sultan Idris. *Prosiding Konferens Masjid, Zakat dan Waqaf (IMAF 2014)* (e-ISBN 978-967-13087-1-4). 1-2 December 2014, Kuala Lumpur, Malaysia.

Fauzi, H., Jamal, A., & Mohd Saifoul, Z. N. (2014). Kaedah penyelidikan dan analisis data SPSS. Penerbit Universiti Utara Malaysia, Sintok 2014.

Hairunnizam, W., Sanep, A., & Mohd Ali, M. N. (2004). Kesan bantuan zakat terhadap kualiti hidup asnaf fakir miskin. *The Journal of Muamalat & Islamic Finance Research*,No.1 Vol.1, FEM,KUIM, h.151-166.

Hisrich, R.D.. & Peters, M.P. 2008. Entreprenuership. Edisi Ke 4.Boston: Irwin McGraw Hill.

Hisrich, R. D., Peters, M. P., & Shepherd, D. A. (2005). Entrepreneurship (6 ed.). New York: McGraw-Hill Irwin.

Hairunnizam, W., et.al (2009). Pengagihan zakat oleh institusi zakat di Malaysia: Mengapa masyarakat Islam tidak berpuas hati?. *Jurnal Syariah*. Jil. 17, Bil. 1.

Hairunnizam, W. (2009). Pengagihan zakat oleh institusi zakat kepada lapan asnaf: kajian di Malaysia. Kertas kerja dibentangkan di *Seminar Ekonomi Islam 2008/2009* anjuran Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya pada 10-11 Februari 2009.

Hisham, S., & Zulkifli, H. (2006). Zakat: Instrumen penyumbang pembentukan usahawan. Universiti Sains Islam Malaysia. Kertas kerja ini dibentangkan di *Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam* pada 8-9. Ogos 2006 di Kolej Islam Pahang Sultan Ahamad Shah (KIPSAS), Kuantan.

Ibrahim, A. B. (1997). Ciri-ciri usahawan Islam. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Kuala Lumpur.

Isma, A. J., & Mohamad Zahir, Z. (2011). Pembangunan modal insan dalam kalangan fakir dan miskin sebagai usahawan: Kajian kes di Lembaga Zakat Selangor. *Journal Of Human Capital Development*. 4(2), 41-56.

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) (2008). Manual pengurusan pengiraan zakat. Putrajaya: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). Pembangunan Pendidikan 2001-2010. Perancangan Bersepadu Penjana Kecemerlangan Pendidikan.

Kuratko, D. & Hodgetts, R.M. (2004). Entrepreneurship: Theory, process and practice. 6th ed. Mason, Ohio: South-Western, Thompson.

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2007a). Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara 2007 – 2010.

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2007b). Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkaui Tahun 2020.

Mohd Rosli. (2013). Pembudayaan keusahawanan ke arah mempengaruhi kecenderungan menceburi bidang keusahawanan dalam kalangan bakal graduan di UTHM. Jabatan Ikhtisas Pendidikan .Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional.

Majalah Asnaf, Isu 40. (2015). Terbitan Lembaga Zakat Selangor.

Mohd Zain, M. (2016). Keusahawanan Islam, Rasulullah S.A.W dan sahabat sebagai ikon usahawan berjaya. Penerbit UMK 2016.

Mohamed Izam, M. Y. (2010). Pengurusan zakat di negeri Selangor: Mengorak langkah meneraju perubahan. Zakat transformation: From subsistence to productive. Kertas kerja dibentangkan di International Development Management Conference (IDMAC 2010), Universiti Sains Malaysia, 22 Disember. Malaysia: Penang.

Mahmood Zuhdi, A. M. (2003). Pengurusan Zakat. Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Majid, K. (2005). Kaedah penyelidikan pendidikan. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Mohd Najib, A. G. (2003). Rekabentuk tinjauan soal selidik pendidikan. Johor : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Yusuf, A. (1996). Kaedah penyelidikan dalam pendidikan. Fakulti Pendidikan.Universiti Teknologi Malaysia.

Muhammad Haris, R. (2012). Faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan asnjaf Baitul Mal Acheh: Satu analisis, lertas kerja ini dibentangkan dalam *International Graduate Workshop* (INGRAW) 2012 ke-7 pada 30 –31 October 2012. Anjuran Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia.

Muhammad Syukri, S., & Fadzila, A. A. (2000). Pengurusan kemiskinan dalam Muhammad Syukri Salleh Pengurusan Pembangunan Islam: Prosiding Seminar.Pulau Pinang. Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Nor Aishah, B. (2002). Asas keusahawanan. Fajar Bakti. Polyghraphic (M) Sdn. Bhd.

Nik Mustapha, N. H. (2001). Kaedah pengagihan dana zakat satu perspektif Islam. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Nooraini, O., & Siti Soleha, M. (2006). Persepsi terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar 4SPH dalam bidang keusahawanan. Universiti Teknologi Malaysia.

Norasmah, H. O., & Halimah, H. (2007). Keusahawan remaja Malaysia. Serdang: Penerbit UPM

Norasmah H. O. (2002). Keberkesanan program keusahawanan remaja di sekolah menengah.Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Norasmah, O., Nor Hafiza, O., Poo, B. T., & Rahmah, I. (2012). Impak globalisasi dan tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar universiti. Universiti Kebangsaan Malaysia. Prosiding PERKEM VII, Jilid 1, p (435-445).

Mohd Rosli, F. (2013). Pembudayaan keusahawanan ke arah mempengaruhi kecenderungan menceburi bidang keusahawanan dalam kalangan bakal graduan di UTHM. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.

Patmawati, I. (2005). Potential roles of zakat distribution in reducing income inequality among the muslim society dalam Abdullah Alwi Hj Hassan et al. Teori dan aplikasi kontemporari sistem ekonomi Islam di Malaysia, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara 2011-2015, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Piaw, C.Y. (2012). Asas Statistik Penyelidikan. Malaysia. Mc Graw Hill.

Portal Rasmi Lembaga Zakat Selangor. (2017). https://www.zakatselangor.com.my

Rosbi, A. R. et al. (2008). Pelaksanaan bantuan modal zakat: Analisis perbandingan (Kertas Seminar Kebangsaan Ekonomi Malaysia di Universiti Malaya, 27-28 November 2008), h. 450-459.

Rahmah, I. & Nor Aini, I. (2007). Globalisasi dan daya saing global: satu tinjauan. dlm Rahmah, I., Nor Ain, I. Razak, Mohd (pytg.). hlm 17-32. Pembangunan Sumber Manusia dalam era K-Economy. Bangi. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Salmianti, M. (2013). Tinjauan kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar di Institut Pengajian Tinggi Awam. *Journal of Techno Social*. Vol 5, No 1. ISSN 2229-8940.

Sarimah, H. A. S., & Cecilia, S. T. L. (2013). Entreprenuership Edisi Ketiga. Oxford Fajar Sdn. Bhd

Sabitha, M. (2005). Kaedah penyelidikan sains sosial. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall.

Shuhairimi, A. & Ku Halim, K. A. (2010). Keusahawanan Islam. Penerbit Universiti Malaysia Perlis, Kangar.

Unit Perancang Ekoonomi. (2007). Rancangan Malaysia Kesembilan 2006- 2010. Putrajaya: UPEN, Jabatan Perdana Menteri.Utusan Malaysia, 2 Julai 2007.

Warman, S., Roddin, R., Esa, A., Awang, H. Mohamed, M., & Ab Rahman, A. (2010). Penerapan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar di Politeknik. Persidangan Kebangsaan Pendidikan Kejuruteraan dan Keusahawanan. Kota Bahru, Kelantan. pp 206-211.

Yahaya, I. (2014). Keusahawanan dan daya saing dalam sektor perlancongan pulau. Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) 2014.

Yusof, B., & Sapiah, B. (2010). Kesediaan untuk menceburi bidang keusahawanan di kalangan pelajar – pelajar bumiputera tingkatan empat di tiga buah sekolah sekitar Skudai, Johor, Universiti Teknologi Malaysia.

Zafir, M. M., & Fazilah, M. H. (2003). Menjadi Usahawan. Penerbit PTS

Zakiyah, J. (2011). Kemiskinan dan keciciran dalam Pendidikan. *Jurnal Kebajikan Masyarakat.* volume 37. Ms 5017. Jun 2011

Zimmerer. T.W., & Scarborough. N.M. (2008). Essentials of entreprenuership and small business management. Pearson Education Inc., New Jersey.

Zulkefly, A. K., Mohd Azlah, S. Z., & Hairunnizam, W. (2004). Pendapatan dan sasaran perbelanjaan dana zakat: Pengalaman di negeri Perak, Kedah, Selangor dan Negeri Sembilan. Dalam Hailani Muji Tahir (penyt) Prosiding Muzakarah Pakar Zakat. Kuala Lumpur: Univision Press Sdn Bhd. hlm 79-94